

03/11/1998

Firma tenat wajar dibantu

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, usaha menyelamatkan syarikat yang menghadapi masalah kewangan perlu untuk mengelakkan keruntuhan ekonomi secara besar-besaran.

Perdana Menteri berkata, menyelamatkan syarikat adalah sesuatu yang perlu. Idea bahawa syarikat yang gagal tidak perlu diselamatkan, bukanlah satu perkara yang perlu diikuti.

"Terlalu banyak orang tidak bersalah akan dihukum jika perniagaan dibenarkan gagal. Hukum mereka yang berdosa dengan apa cara sekalipun, tetapi membunuh syarikat tidak menguntungkan sesiapa.

"Mereka yang tidak berdosa ialah paling menderita jika berlaku kegagalan dan jika syarikat boleh diselamatkan, negara terus makmur," katanya.

Beliau yang juga Menteri Kewangan Pertama berkata demikian dalam ucapturnya di Persidangan Mengurus Krisis Kewangan Asia: Cabaran dan Pengajaran, di sini hari ini.

Persidangan yang dihadiri kira-kira 350 peserta termasuk dari Jepun, Korea Selatan, Hong Kong dan Singapura itu dianjurkan bersama Institut Kepimpinan dan Strategik Asia (Asli); Rating Agency Malaysia Berhad dan Limkokwing Intergrated.

Dr Mahathir memberitahu persidangan itu jika mereka mahu menangani krisis kewangan Asia, mereka perlu menangani spekulasi dan manipulasi mata wang.

"Keruntuhan ekonomi di Asia Timur disebabkan kekayaan mereka diambil dan nilai mata wang diturunkan.

"Negara terbabit runtuh disebabkan mereka tiba-tiba jadi miskin sehingga tidak mampu membayar hutang, tidak mampu meminjam dan tidak boleh membiayai aktiviti perniagaan. Sistem kewangannya lumpuh," katanya.

Berikutan itu, Dr Mahathir menegaskan masalah ekonomi dan kewangan yang dihadapi negara terbabit bukan disebabkan kelemahan kerajaan, rasuah, kronisme dan nepotisme.

"Apabila nilai mata wang diturunkan, kos untuk membeli mata wang asing untuk membayar hutang atau membeli bahan mentah, komponen dan perkhidmatan tidak boleh dilakukan," katanya

Dr Mahathir berkata, sebelum penswastan syarikat kerajaan adalah nazak berikutan ia dianggap perkhidmatan yang perlu disediakan kepada pembayar cukai.

Ketika itu, katanya, jalan yang dibina dan diselia oleh kerajaan digunakan secara percuma oleh pembayar cukai dengan tidak memberi sebarang hasil kepada kerajaan.

"Penswastan berjaya memindahkan sebahagian besar tanggungjawab kerajaan untuk membina dan menyelia jalan.

"Negara memberi subsidi untuk membina dan menyelia kemudahan awam dengan menjual pada harga diskaun. Menerusi cara ini kadar bayaran dan tol lebuhraya berada pada kadar rendah," katanya.

(END)